

BAB KELIMA

BAB KELIMA

ANALISIS OPERASI PENERBITAN BON MUDHARABAH CAGAMAS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

5.0 Pendahuluan

Bon Mudharabah Cagamas telah diterbitkan sebagai memenuhi keperluan pembiayaan institusi kewangan dan pembiayaan perumahan secara Islam. Selain itu bon Islam turut berperanan menyediakan pelaburan yang bebas dari unsur riba dan berisiko rendah kepada pelabur Islam. Penganalisaan terhadap operasi bon Islam ini adalah penting untuk memastikan kedudukannya di sisi Syariah. Proses ini akan merujuk secara langsung kepada sumber hukum iaitu al-Quran, al-Sunnah, *ijmā'* ulama, *qiyās*, *urf* dan seumpamanya dengan mengambilkira pendapat mazhab Syāfi'i, Hanafi, Mālikī dan Ḥanbali.

5.1 Analisis Operasi Penerbitan Bon Mudharabah Cagamas

Penganalisaan secara terperinci akan dilakukan ke atas penerbitan Bon Mudharabah Cagamas untuk menentukan kaedah serta konsep yang digunakan dalam penerbitan bon menepati prinsip syarak atau sebaliknya. Proses ini akan merujuk kepada kontrak-kontrak *al-musammā* yang dibenarkan oleh sistem kewangan Islam.

5.1.1 Pengumpulan Dana Melalui Terbitan Bon

Mudārabah adalah antara merupakan kontrak yang digunakan dalam proses penerbitan Bon Mudharabah Cagamas. Pihak Cagamas Berhad telah bertindak sebagai *mudārib* atau pengusaha dengan mengumpul dana daripada *rab al-māl* atau pemegang bon. Dalam kontrak *mudārabah* ini Cagamas Berhad juga telah bertindak sebagai wakil kepada pelabur. *Mudārabah* yang dilaksanakan tersebut adalah *al-mudārabah al-musytarikah* iaitu gabungan *mudārabah* daripada ramai pelabur. *Al-mudārabah al-musytarikah* ini mempunyai perbezaan dengan *mudārabah* klasik dari aspek syarat dan jaminan. *Mudārabah* ini berbentuk *muflaqah* yang bebas dari sebarang syarat¹. Memandangkan kontrak *mudārabah* tersebut adalah kontrak *mudārabah muflaqah*, Cagamas selaku wakil berhak serta bebas untuk menggunakan modal tersebut mengikut apa yang difikirkan terbaik bagi mendapatkan keuntungan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap operasi Bon Mudharabah Cagamas, didapati penyertaan modal yang dibuat oleh pemodal dalam kontrak perjanjian *mudārabah* dengan Cagamas Berhad adalah dalam bentuk wang. Modal tersebut akan diserahkan kepada Cagamas Berhad sebaik sahaja perjanjian termeterai. Walaubagaimanapun modal tersebut tidak diserahkan dalam bentuk nyata atau *haqīqi* sebaliknya secara *ḥukmī*. Ini adalah kerana urusniaga ini dijalankan

menggunakan sistem elektronik iaitu Sistem Urusniaga Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS). Sejumlah wang akan dipindahkan ke akaun Cagamas sebaik sahaja pemodal bersetuju untuk melaburkan modal ke dalam aktiviti *mudārabah*. Bon akan diterbitkan sebagai bukti penyertaan pelaburan. Walaubagaimanapun penerbitan bon tersebut hanya menggunakan sistem maya bukannya berupa sijil yang dicetak.

5.1.2 Perniagaan Yang Dijalankan

Setelah mendapat dana atau modal yang dilaburkan oleh pelabur, pihak Cagamas Berhad kemudiannya akan menggunakan dana yang terkumpul untuk menjalankan perniagaan jualbeli hutang bagi mendapatkan keuntungan. Memandangkan kontrak *mudārabah* yang dibuat adalah *mudārabah muflaqah*, tiada penentuan jenis perniagaan yang dibuat oleh pemodal. Sebaliknya pemodal sudah maklum tentang aktiviti urusniaga hutang yang dijalankan oleh Cagamas Berhad. Ini bermakna pemodal telah pun memberi persetujuan secara tidak langsung kepada Cagamas untuk menjalankan jual beli hutang. Urusniaga yang diusahakan oleh Cagamas Berhad iaitu *bay' al-dayn* adalah merupakan satu bentuk urusniaga yang dibenarkan oleh syarak berdasarkan syarat-syarat tertentu.

Bay' al-dayn yang dilakukan antara Cagamas Berhad dengan pembiaya perumahan adalah termasuk dalam jual beli hutang kepada pihak ketiga. Cagamas Berhad menjadi pihak ketiga dalam transaksi jual beli ini. Mazhab Syāfi'i mengharuskan penjualan hutang yang *mustaqir* kepada pihak ketiga. *Dayn al-mustaqir* adalah hutang yang tetap dan mempunyai kemungkinan hampir seratus peratus ianya dibayar. Ini adalah kerana hutang tersebut boleh diserahkan kepada pembeli dalam bentuk ganti rugi atau pembayaran pinjaman. Sementara penjualan *dayn ghayr mustaqir* iaitu hutang yang tidak tetap, juga diharuskan oleh Mazhab Syāfi'i dengan syarat ianya boleh diserahkan. Tetapi sekiranya hutang tersebut tidak boleh diserahkan, akad jualbeli tersebut akan terfasakh dengan sendirinya. Walaubagaimanapun jualbeli tersebut diharuskan dengan syarat ianya bebas dari sebarang unsur riba.

Dalam masalah *bay' al-dayn* ini Mazhab Syāfi'i telah meletakkan beberapa syarat iaitu :

- i. Orang yang berhutang itu mestilah orang yang berupaya membayar hutang dan dia telah membuat pengakuan bahawa dia berhutang dan terdapat saksi yang mengakui bahawa dia berhutang.
- ii. Hutang itu hendaklah hutang yang tetap.
- iii. Hutang tersebut bukan barang tempahan.

iv. Penerimaan kedua barang tukaran berlaku dalam majlis akad.

Kontrak *bay^c al-dayn* ini adalah merupakan kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak Cagamas Berhad dengan pembiaya perumahan secara Islam. Cagamas Berhad didapati membeli hutang-hutang perumahan daripada pihak pembiaya perumahan dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pihak Cagamas telah mensyaratkan hutang yang dijual mestilah hutang yang mempunyai rekod yang baik yang mempunyai kebarangkalian yang kecil untuk menjadi hutang lapuk. Jualbeli hutang ini adalah merupakan perniagaan yang dijalankan oleh Cagamas Berhad untuk memobilisasikan modal bagi mendapatkan keuntungan dari modal yang diperolehi daripada pembeli bon.

Berdasarkan kupasan tadi, hutang perumahan yang diurusniagakan antara pihak Cagamas Berhad dan pembiaya perumahan secara Islam tersebut bolehlah dikategorikan sebagai *dayn al-mustaqrī* iaitu hutang yang boleh ditunaikan. Ini kerana pihak pembiaya telah memastikan hutang-hutang perumahan yang hendak dijual adalah terdiri dari hutang yang mempunyai rekod bersih dan berisiko rendah. Syarat ketat yang dikenakan oleh Cagamas Berhad kepada pembiaya dalam memastikan hutang yang dijual adalah hutang yang mempunyai rekod baik adalah bertepatan dengan syarat *Syāfi'i* yang menetapkan syarat hutang yang

hendak dijual mestilah hutang yang tetap serta mampu dibayar oleh peminjam.

Urusniaga jualbeli hutang ini diiktiraf sebagai jualbeli yang sah oleh Mazhab Syāfi‘ī kerana barang atau bayaran hutang tersebut boleh diserahkan kepada pembeli iaitu pihak Cagamas Berhad. Sebaliknya sekiranya hutang tersebut tidak dapat diserahkan iaitu menjadi hutang lapuk atau hutang tidak berbayar akad jualbeli tersebut akan *terfasakh* dengan sendirinya. Oleh itu tindakan Cagamas Berhad yang mensyaratkan tuntutan balik hutang yang tidak berbayar atau rosak dalam tempoh kajian setiap tiga bulan adalah diiktiraf oleh syarak. Ini adalah kerana akad jualbeli telah *terfasakh* akibat kerosakan hutang. Pihak Cagamas Berhad kemudiannya telah mensyaratkan jualbeli hutang yang *terfasakh* akibat kegagalan pelunasan hutang digantikan dengan hutang lain yang mempunyai reputasi baik.

Namun demikian terdapat sesetengah *fuqahā'* yang menentang penggunaan instrumen ini dalam system kewangan Islam. Tetapi kajian kumpulan pengkaji instrumen Islam yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti mendapati bahawa tiada bukti *ijmā'* ulama yang mengharamkan *bay‘ al-dayn* ini. Bahkan amalan ini diharuskan oleh Mazhab Mālikī².

Pihak Cagamas juga ada menentukan tempoh *khiyār* syarat tertentu kepada pembiaya perumahan dalam urusan pembelian pembiayaan perumahan Islam. Hasil dari kupasan perbincangan para *fuqahā'* menjelaskan bahawa tempoh bagi *khiyār* syarat boleh ditentukan berdasarkan persetujuan kedua pihak yang menjalankan aktiviti jual beli. Ini adalah mengikut *curuf* dan kepentingan kedua pihak yang berurusniaga. Cagamas Berhad telah menetapkan tempoh *khiyār* bagi pembelian hutang perumahan secara Islam daripada pembiaya iaitu dalam tempoh kajian semula selama tiga, lima atau tujuh tahun.

Dalam tempoh tersebut sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada hutang tersebut, Cagamas Berhad akan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pembelian tersebut. Mereka kemudiannya mensyaratkan pembiaya untuk menggantikan hutang yang rosak dengan hutang yang hampir sama nilainya bagi mengelakkan kerugian. Hutang tersebut kemudiannya akan dibeli oleh Cagamas Berhad. Pembiaya juga diberi pilihan untuk membeli kesemua hutang yang dijual kepada pihak Cagamas (tidak meneruskan jualbeli) atau melanjutkan tempoh kajian semula berdasarkan yuran penyelenggaraan yang dipersetujui oleh kedua pihak berkenaan pada akhir tempoh kajian tersebut

Penerbitan Bon Mudharabah Cagamas oleh Cagamas Berhad sebagai bukti wujudnya hutang adalah bertepatan dengan perintah Allah

s.w.t supaya menulis serta mencatit segala hutang yang dibuat dengan tepat dan sistematis. Saranan tersebut adalah bertujuan agar tidak berlaku sebarang kekeliruan di kemudian hari samada dari segi jumlah hutang serta menjadi bukti wujudnya hutang. Allah s.w.t berfirman³:

Mafhumnya : Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah menulis hutang dan masa bayarannya itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil. Dan janganlah seorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencana isi surat hutang itu dengan jelas dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhananya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat) maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil, dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tiada saksi dua orang lelaki maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika seorang lupa (dari saksi -saksi perempuan yang berdua itu) maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil (menjadi saksi). Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara yang mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama kamu maka tiada salah jika kamu tidak menulisnya, dan adakanlah saksi apabila berjualbeli, dan janganlah mana-mana juru tulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu) maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasiq (derhaka) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan (ingatlah) Allah (dengan keterangan itu) mengajar kamu dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

5.1.3 Perkongsian Keuntungan

Cagamas Berhad sebagai pengusaha dan pembeli bon sebagai pemodal didapati berkongsi keuntungan bagi memenuhi syarat perjanjian *mudārabah*. Perkongsian keuntungan ini ditentukan berdasarkan kadar peratusan yang dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian jualbeli Bon Mudharabah Cagamas (lihat lampiran G).

Nisbah pengagihan untung antara Cagamas Berhad dan pemodal ini adalah 10 : 90 iaitu sebanyak 10 peratus dari keuntungan menjadi milik Cagamas Berhad sebagai pengusaha. Sementara 90 peratus lagi diberikan kepada pemodal iaitu pemegang bon. Agihan keuntungan ini dibuat setelah tamat tempoh kontrak *mudārabah* iaitu pada akhir tempoh matang bon. Keuntungan tersebut akan diserahkan kepada pemodal beserta dengan modal asal. Ini bermakna syarat penentuan keuntungan *mudārabah* telah dipenuhi oleh kedua pihak.

Walaubagaimanapun berdasarkan tinjauan yang dilakukan terhadap Cagamas Berhad, didapati pihak Cagamas Berhad turut menyatakan risiko tanggungan kerugian dalam *information memorandum*. Sekiranya berlaku kerugian, ianya akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal dalam bentuk pengurangan nilai bon yang dimiliki. Walaubagaimanapun didapati Cagamas Berhad mempunyai keyakinan

hampir seratus peratus akan memperolehi keuntungan dari aktiviti urusniaga hutang.

Pihak Cagamas Berhad telah mengikuti dasar pembahagian keuntungan *mudārabah* dalam operasi Bon Mudharabah Cagamas ini. Pengumuman keuntungan akan dibuat pada setiap enam bulan dan akan diagihkan pada akhir tempoh matang. Cagamas Berhad akan membayar jumlah modal beserta dengan keuntungan pada akhir tempoh matang bon. Sekiranya perniagaan *mudārabah* itu mengalami kerugian, ianya akan ditolak dari nilai modal asal yang akan menyebabkan nilai bon menjadi kurang dari nilai belian. Konsep pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian tersebut adalah menepati prinsip *mudārabah*.

5.1.4 Urusniaga Bon Mudharabah Cagamas Di Pasaran Utama Dan Pasaran Kedua.

Bon Mudharabah Cagamas yang diterbitkan akan diurusniaga di dalam dua pasaran iaitu pasaran utama dan pasaran kedua. Sijil bon ini boleh diniagakan menurut Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan Negara⁴ kerana ia mempunyai nilai intrinsik bukan sekadar sekeping kertas yang membuktikan wujudnya pelaburan. Bon Mudharabah Cagamas ini diwujudkan hasil dari proses pengsekuritan pembiayaan perumahan Islam. Ini bermakna pembiayaan perumahan Islam menjadi sandaran

harta atau aset kepada bon ini. Oleh itu pelabur yang memegang sijil bon dianggap memiliki pembiayaan perumahan Islam tersebut.

Penjualan bon ini diurusniaga menggunakan skim tender di pasaran utama. Urusniaga ini dibenarkan oleh Islam kerana skim tender hanya melibatkan pertandingan penawaran harga belian. Pihak yang berjaya menawarkan harga yang menarik serta memenuhi syarat dan kriteria akan dipilih untuk membeli bon atau terpilih untuk melabur. Setelah proses penjualan bon dilakukan di pasaran utama, ianya kemudiannya akan didagangkan di pasaran kedua. Urusniaga bon di pasaran kedua melibatkan jualbeli sijil pelaburan *mudārabah* yang disandarkan kepada pemilikan haktuntut pembiayaan perumahan Islam. Berdasarkan pandangan Syāfi‘ī, sandaran hutang sebagai *al-māl* adalah diharuskan kerana ianya melibatkan hutang yang tetap dan mampu dijelaskan iaitu *dayn al-mustaqqir*.

5.2 Rumusan

Berdasarkan kajian dan penganalisaan secara komprehensif ke atas operasi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas, dapat dirumuskan bahawa kedudukan bon Islam dalam muamalah Islam masih dalam batas yang dibenarkan oleh syarak. Meskipun tidak terdapat sebarang dalil yang jelas dari al-Quran maupun al-Sunnah tentang keharusan bon Islam, namun

konsep yang digunakan adalah merupakan gabungan dari prinsip-prinsip serta kontrak-kontrak yang dibenarkan oleh syarak. Selaras dengan perkembangan sistem ekonomi Islam, kelahiran bon Islam dilihat sebagai satu perkembangan yang positif ke arah kemantapan muamalah Islam.

NOTA HUJUNG

¹ Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, m.s. 406.

² *Ibid.*, m.s. 281.

³ Al-Quran *sūrah al-Baqarah* (2) : 282.

*Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan Bank Negara terdiri daripada :

1. Y. Bhg Prof. Dato' Dr. Haron Din.
2. Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Hj. Othman Hj. Ishak.
3. Y. Bhg. Associate Prof. Dato' Md. Hashim Yahya.
4. Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Daud Bakar.
5. Y. Bhg. Tuan Hj Hassan Hj Ahmad.
6. Y. Bhg. Dato' Sheikh Azmi Ahmad.
7. Y. Bhg. Dato' Abdul Halim Ismail.

Konsultan yang dilantik :

1. En. Nor Mohamed Yakcop.
2. Prof. Dr. Mohamad Hashim Kamali.

Lihat press release-Syariah Advisory Council to Support Islamic Capital Market Growth .htm

PENUTUP

PENUTUP
RUMUSAN DAN SARANAN

Rumusan

Sistem kewangan Islam adalah muamalah yang melengkapi semua keperluan ekonomi sejagat. Semua bentuk transaksi ekonomi dinyatakan melalui wahyuNya iaitu al-Quran dan al-Sunnah dalam bentuk umum atau khusus. Kebanyakan instrumen serta kontrak muamalah Islam ini tidak diulas secara terperinci dan mendalam dalam al-Quran dan al-Sunnah. Ini adalah kerana sistem muamalah Islam sentiasa menerima perubahan serta pembaharuan selari dengan peredaran masa dan keadaan serta *‘urf* dan kemasyarakatan masyarakat. Fenomena ini menjadikan sistem kewangan Islam terkini dan terunggul di mata masyarakat dunia berbanding dengan sistem kewangan konvensional.

Sebagai memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat yang mengalami revolusi perkembangan ekonomi, pelbagai bentuk instrumen baru dalam batasan Syariah mula diwujudkan. Pengenalan bon Islam adalah antara agenda perkembangan sistem ekonomi Islam. Ahli ekonomi Islam telah membuat olahan dengan mengguna serta menggabung kontrak-kontrak yang dibenarkan oleh syarak bagi mewujudkan bon Islam. Terdapat pelbagai bentuk bon Islam yang

berbeza dari segi operasi serta kontrak yang diaplikasikan. Antara kontrak yang digunakan adalah *bay‘ bithaman ājil*, *bay‘ al-muzāyadah*, *bay‘ al-murābahah*, *sukūk al-ijārah*, *al-mudārabah*, *al-musyārakah* serta *qard al-ḥasan*.

Cagamas Berhad telah menerbitkan bon Islam iaitu Bon Mudharabah Cagamas menggunakan prinsip *al-mudārabah*. Bon ini adalah berbentuk pelaburan bukannya bon hutang. Pelabur melaburkan modalnya dengan membeli bon yang diterbitkan. Kelihatan seolah-olah transaksi yang dijalankan oleh pelabur dengan Cagamas Berhad hanyalah jualbeli bon. Apa yang berlaku sebenarnya adalah penyertaan pelabur dalam aktiviti *mudārabah* dengan menyerahkan modal kepada Cagamas Berhad. Bukti penyertaan pelaburan pelabur kemudiannya dinyatakan dalam bentuk pemilikan bon.

Bon Mudharabah Cagamas ini mempunyai tempoh matang yang tertentu. Kontrak perjanjian *mudārabah* antara pelabur dan Cagamas Berhad akan berakhir sebaik sahaja bon mencapai tempoh matang yang ditetapkan. Setelah tamat perjanjian, Cagamas Berhad akan membuat pengiraan keuntungan dan kerugian. Keuntungan tersebut kemudiannya akan diagihkan kepada pelabur berdasarkan kadar perkongsian yang dipersetujui semasa perjanjian. Agihan keuntungan dibuat dalam bentuk dividen.

Aktiviti *mudārabah* ini melibatkan perkongsian keuntungan antara pemodal dan pengusaha. Tanggungjawab memobilisasikan modal untuk memperolehi keuntungan terbeban sepenuhnya ke atas pengusaha. Kecekapan dan kebijaksanaan pengusaha menggunakan modal akan membawa keuntungan yang berlipatganda. Meskipun demikian aktiviti pengusaha masih tidak terlepas dari menanggung risiko kerugian. Namun apa yang berlaku dalam perniagaan urusniaga jualbeli hutang antara Cagamas Berhad dan pembiaya perumahan secara Islam, Cagamas Berhad seolah-olah telah menetapkan perolehan keuntungan hampir seratus peratus.

Fenomena ini berlaku apabila Cagamas Berhad manafikan risiko yang sepatutnya dihadapi dengan mensyaratkan pembelian balik hutang kepada pembiaya ke atas hutang-hutang yang tidak membawa kepada keuntungan atau hutang tidak berbayar. Pembiaya kemudiannya disyaratkan menggantikan hutang tersebut dengan hutang yang mempunyai nilai yang hampir sama. Cagamas Berhad akan mensyaratkan tempoh tertentu untuk membuat penilaian dan kemudiannya membuat keputusan untuk meneruskan atau tidak meneruskan akad jualbeli. Tempoh *khiyār* syarat yang ditetapkan dalam urusniaga jualbeli Cagamas dan pembiaya disebut sebagai tempoh kajian semula. Dalam tempoh kajian semula, Cagamas Berhad berhak untuk meneruskan atau tidak meneruskan pembelian. Tindakan Camagas memulangkan hutang yang

tidak berbayar adalah bertepatan dengan pandangan Syāfi'i yang mensyaratkan hutang yang dijual mestilah hutang boleh dilunaskan. Seandainya hutang tersebut rosak atau menjadi tidak berbayar akad jualbeli hutang tersebut akan terbatal dengan sendirinya.

Saranan

Berdasarkan penelitian dan kajian yang menyeluruh penulis ke atas operasi penerbitan Bon Mudharabah Cagamas, penulis merasa bertanggungjawab untuk menyarankan beberapa saranan untuk perhatian dan tindakan pihak Cagamas Berhad. Antaranya :

- 1) Satu badan atau Panel Syariah yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang ekonomi Islam perlu diwujudkan bagi mengawalselia perjalanan penerbitan bon Islam. Panel Syariah ini hendaklah dijadikan rujukan serta penasihat kepada pihak pengurusan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan muamalah Islam.
- 2) Dalam usaha untuk membantu para usahawan kecil dan sederhana dan menjurus ke arah peningkatan ekonomi negara, pihak Cagamas Berhad perlu membuat pertimbangan untuk membeli hutang-hutang kerajaan daripada usahawan yang juga disebut

sebagai belum terima kerajaan. Penerbitan bon Islam boleh dilakukan untuk membayai belum terima ini dengan syarat pengendalian pembelian hutang tersebut dilakukan secara Islam tanpa melibatkan pengambilan riba. Pembiayaan menerusi penerbitan bon Islam ini dibolehkan memandangkan hutang kerajaan tidak mengandungi unsur riba. Pengenalan skim ini secara tidak langsung dijangka dapat memeriahkan lagi dunia urusniaga bon Islam serta memberi alternatif terbaik kepada usahawan-usahawan yang memerlukan modal.

- 3) Pihak Cagamas Berhad disarankan untuk memperkenalkan instrumen bon Islam kepada masyarakat secara meluas. Penerangan dan liputan secara menyeluruh perlu dibuat menggunakan teknologi maklumat yang terkini samada melalui layaran internet, media elektronik, cetak dan iklan. Langkah pendedahan yang efektif ini dijangka dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai dunia permodalan Islam khususnya instrumen bon Islam. Usaha ini secara tidak langsung akan mendorong masyarakat untuk berjinak-jinak serta melibatkan diri dalam pelaburan modal bon Islam.

Beberapa saranan secara umum yang wajar diaplikasikan oleh pihak-pihak yang berkenaan :

- 1) Ahli-ahli ekonomi Islam perlu merancakkan lagi perbincangan ilmiah yang menyeluruh berkaitan dengan operasi penerbitan bon Islam serta memastikan kedudukannya menurut perspektif syarak. Kesimpulan dan hasil perbincangan tersebut perlulah dicetak dan diterbitkan bagi tujuan rujukan ahli-ahli ekonomi serta masyarakat umum.
- 2) Pendedahan secara menyeluruh dan meluas perlu dilakukan kepada masyarakat umum melalui seminar-seminar muamalah Islam, media cetak dan iklan mengenai kedudukan bon Islam dari segi hukum. Menerusi medium tersebut masyarakat dapat mengetahui kedudukan bon Islam dalam muamalah Islam sekaligus dapat menghilangkan keraguan masyarakat mengenai pengamalan bon Islam dalam dunia permodalan Islam.
- 3) Satu akta khusus perlu dibuat berkaitan dengan penerbitan bon Islam oleh penggubal undang-undang bagi memastikan keselarasan pengamalannya dengan hukum syarak. Selain itu pemantauan perlu dibuat oleh pakar ekonomi Islam atau pihak-pihak yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkembangan bon Islam berlaku dalam batasan muamalah Islam.

Penutup

Dalam mengejar arus perkembangan ekonomi global, tuntutan dan batasan syariat tidak boleh dipinggirkan. Malahan menjadi satu kewajipan untuk menjulang dan memartabatkan *syi'ar* Islam. Kehadiran bon Islam dalam percaturan ekonomi dunia ternyata makin menyemarakkan perkembangan sistem kewangan Islam. Penggunaan serta penggabungan kontrak-kontrak yang diharuskan oleh syarak telah meletakkan bon Islam pada kedudukan yang kukuh dan utuh dalam muamalah Islam. Bon bukan lagi satu instrumen yang asing dan terlarang bagi masyarakat Islam selagi penerbitannya dibuat dalam batasan syariat sepetimana Bon Mudharabah Cagamas dan bon-bon Islam yang lain.